

26/08/2002

Wanita boleh ceburi semua bidang

KUALA LUMPUR, Ahad - Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata wanita di negara ini boleh menceburi apa juga bidang yang diminati asalkan mereka mempunyai keinginan, kesungguhan dan keupayaan.

Beliau berkata, ini berikutan keprihatinan dan komitmen kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam pembangunan wanita di negara ini.

Katanya, keadaan itu diperkukuh dengan langkah kerajaan meminda Perkara 8 (2) Perlembagaan Persekutuan untuk tidak mengizinkan diskriminasi atas asas gender.

"Tiada apa yang tidak boleh dibuat oleh wanita Malaysia di bawah kerajaan ini. Dengan ilmu, impian, keyakinan dan kesabaran serta sokongan daripada kaum bapa, wanita Malaysia boleh menceburi apa saja bidang yang dipilih mengikut kecenderungan," katanya berucap pada majlis perasmian Sambutan Hari Wanita 2002, di sini hari ini.

Majlis yang disertai kira-kira 15,000 rakyat negara ini dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut serta ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta isteri, Datin Seri Hendon Mahmood.

Shahrizat berkata, wanita mempunyai kedudukan istimewa untuk memainkan peranan penting dalam memupuk generasi berilmu.

"Ibu boleh memupuk budaya cintakan ilmu di kalangan anak daripada kecil lagi. Ini tidak bermakna kaum bapa tidak memainkan peranan di dalam pemupukan ilmu kepada anak-anak, cuma wanita sebagai ibu berperanan sebagai penggerak dan pemimpin," katanya.

Oleh itu, beliau berkata, wanita harus sentiasa berfikiran positif, terutama apabila terpaksa menghadapi pahit maung dan yakin pada diri sendiri bagi memastikan tanggungjawab kepada anak-anak tidak diabaikan.

Selain itu, beliau berkata, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, yang ditubuhkan kira-kira 19 bulan lalu memberi perhatian utama kepada usaha peningkatan ilmu di kalangan wanita pelbagai peringkat umur dan sektor.

Ini, katanya, termasuk dalam bidang teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT), selain undang-undang, peluang keusahawanan dan pembangunan keluarga, termasuk perkahwinan dan keibubapaan.

"Ilmu bukan saja penting untuk mendapatkan pekerjaan tetapi juga untuk menjalani keseluruhan kehidupan dengan lebih sempurna," katanya.